

# TERMA & SYARAT PERTANDINGAN

## SABAH SCREEN FEST 2018

### (TERBUKA)

---

1. Terbuka kepada **WARGANEGARA MALAYSIA**.
2. Tema pertandingan "**LOVE/HATE**"
3. Kategori filem dipertandingkan **FILEM PENDEK, DOKUMENTARI** dan **IKLAN/PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT**.
4. Peserta boleh menyertai semua kategori tetapi hanya **1 penyertaan sahaja** bagi setiap kategori.
5. Semua bahasa boleh digunakan dalam produksi . Sekiranya menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Melayu **sub-title dalam Bahasa Melayu diwajibkan**.
6. Durasi kategori filem pendek dan dokumentari adalah **tidak melebihi 8 minit**. Kategori iklan/pesanan khidmat masyarakat pula **tidak melebihi 30 saat**.
7. Produksi mestilah karya asal peserta dan tidak pernah memenangi anugerah dalam mana-mana pertandingan/festival filem/video peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
8. Urus setia tidak boleh mengikuti penyertaan pertandingan.
9. Penganjur berhak menolak penyertaan yang melanggar terma dan syarat pertandingan.
10. **Cara Penyertaan**
  - 10.1 Borang penyertaan boleh dimuat turun dari laman web [www.screenfest.my](http://www.screenfest.my),
  - 10.2 **Dua keping salinan DVD** dihantar bagi setiap kategori bersama borang penyertaan kepada:  
  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah  
Aras 10, Wisma Bandaraya, Jalan Masjid Lama,  
**88000 KOTA KINABALU**  
(u.p.: Puan Moira David)
- Atau**
  - 10.3 Hasil boleh dimuatnaik ke youtube/vimeo/google drive dan borang di isi secara *online* melalui pautan <http://gg.gg/SSFTerbuka2018>
11. Hakcipta produksi adalah kekal milik peserta. Walau bagaimanapun penganjur boleh menggunakan produksi tersebut untuk tujuan program pendidikan, promosi semasa dan sebagainya.
12. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkaitan.
13. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**.
14. Tarikh tutup penyertaan pada **2 Oktober 2018**.